

## **Keanjalan Import Berkaitan dengan Pendapatan Negara**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Pendapatan negara mempunyai kaitan dua-hala dengan import. Import akan meningkat sekiranya pendapatan meningkat melalui saluran perbelanjaan, dan sebaliknya peningkatan import juga akan melonjakkan pendapatan negara melalui saluran perdagangan.

Pertumbuhan pendapatan negara mempunyai hubungan positif dengan import. Yakni, apabila keluaran dalam negara kasar (KDNK) meningkat, permintaan terhadap import akan turut meningkat. Penyumbang utama terhadap peningkatan import apabila KDNK berkembang adalah permintaan barangan pengguna.

Permintaan terhadap import barangan pengguna akan meningkat selari dengan pertumbuhan KDNK. Ini akan lebih ketara sekiranya pertumbuhan KDNK dijana oleh permintaan domestik, lebih-lebih lagi jika ianya disumbangkan oleh perbelanjaan swasta. Perbelanjaan swasta tumbuh dengan agak stabil di dalam julat 6.0 – 8.3 peratus setahun untuk tempoh 2010-2016. Ianya merupakan penyumbang utama terhadap pertumbuhan KDNK nasional.

Namun demikian, pertumbuhan import untuk barangan dan perkhidmatan di dapati menurun dan semakin perlahan untuk tempoh yang sama. Import untuk barangan dan perkhidmatan merekodkan pertumbuhan yang tinggi pada kadar 15.6 peratus setahun pada tahun 2010, tetapi merosot kepada kadar pertumbuhan terendah 0.4 peratus setahun pada tahun lepas. Ini bermakna, walaupun perbelanjaan pengguna tumbuh dengan sihat, permintaan terhadap barangan yang diimport semakin lemah. Keadaan ini adalah baik untuk menjimatkan pertukaran asing dengan syarat para pengguna tidak di dalam keadaan yang lebih buruk, iaitu mereka masih boleh menikmati corak kehidupan seperti biasa. Keadaan ini juga sedikit sebanyak akan menggalakkan

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pertumbuhan industri tempatan sebagai pengganti kepada barangan import yang setara.

Permintaan terhadap import barangan perantaraan juga akan turut meningkat apabila KDNK berkembang. Ini disebabkan oleh peningkatan aktiviti pengeluaran oleh pengeluar domestik. Barangan perantaraan digunakan sebagai input untuk pengeluaran barangan siap, termasuk barangan untuk pasaran eksport. Kebanyakan barangan pengguna yang dieksport oleh Malaysia menggunakan input barangan perantaraan yang diimport. Kaedah pengeluaran ini menjadi popular melalui konsep rantaian nilai global.

Banyak barangan elektrik dan elektronik yang dieksport oleh Malaysia menggunakan input barangan perantaraan yang diimport dari lain-lain negara melalui konsep rantaian nilai global. Kaedah ini adalah lebih efisien kerana kos input yang lebih murah. Lain-lain negara mempunyai kos yang lebih rendah untuk mengeluarkan barangan yang berbeza bergantung kepada keadaan tempatan mereka. Malah syarikat pengeluar gergasi dunia mempunyai rangkaian rantaian nilai global yang dimiliki oleh mereka sendiri di lain-lain negara untuk mengambil kesempatan kos yang terendah.

Jika dilihat kepada import untuk barangan sahaja tanpa perkhidmatan, pertumbuhan import barangan tumbuh pada kadar yang lebih laju pada tahun lepas dengan kadar 1.9 peratus setahun berbanding dengan 0.4 peratus untuk tahun 2015. Pertumbuhan terhadap import barangan pengguna masih kuat, walaupun menurun, berbanding dengan barangan modal dan barangan perantaraan. Import barangan pengguna tumbuh pada kadar 7.4 peratus setahun untuk tahun lepas, berbanding dengan 24.1 peratus untuk tahun 2015. Kadar pertumbuhan yang tinggi untuk import barangan pengguna pada tahun 2015 rata-rata adalah disumbangkan oleh kelemahan nilai ringgit. Manakala untuk tahun lepas kelemahan pertumbuhan kadar import barangan pengguna adalah disebabkan oleh pengurangan kuantiti walaupun ringgit masih lemah berbanding dolar Amerika. Ini bermakna pengguna telah mula membuat penyesuaian terhadap tabiat penggunaan kesan dari kelemahan nilai ringgit.

Import untuk barangan perantaraan merekodkan pertumbuhan yang negatif pada dua tahun lepas, pada kadar -2.1 peratus pada tahun 2015 dan -0.1 peratus pada tahun

lepas. Keadaan ini kurang baik untuk perdagangan antarabangsa negara kerana ianya menunjukkan kelemahan eksport. Ini akan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan KDNK. Namun keadaan didapati bertambah baik untuk tahun lepas.

Import barangan modal juga merekodkan pertumbuhan negatif pada tahun 2015 dengan kadar – 0.3 peratus setahun. Namun ianya melantun kepada pertumbuhan yang agak baik pada kadar 4.9 peratus setahun pada tahun lepas. Ini merupakan petanda yang baik, menunjukkan industri tempatan mula menunjukkan perkembangan yang sihat. Barangan modal merupakan barangan yang digunakan oleh pengeluar sebagai pelaburan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Perkembangan import terhadap barangan modal dan barangan perantaraan melambangkan permintaan semakin kukuh terutamanya permintaan antarabangsa. Permintaan domestik tumbuh dengan lebih perlahan pada tahun lepas dengan kadar 4.4 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun 2015.

Keanjalan import berkaitan dengan KDNK semakin menurun di dalam tempoh 2010-2016. Import untuk barangan dan perkhidmatan meningkat pada kadar 2.1 peratus pada setiap satu peratus peningkatan KDNK pada tahun 2010. Ini bermakna import barangan dan perkhidmatan sangat anjal kesan dari peningkatan KDNK. Namun pada tahun lepas keanjalan import berkaitan dengan KDNK telah menurun ke 0.1 peratus sahaja, yakni tidak anjal. Import untuk barangan dan perkhidmatan meningkat hanya pada kadar 0.1 peratus pada setiap satu peratus peningkatan KDNK. Perubahan gelagat import ini, iaitu dari anjal kepada tidak anjal, walaupun telah berlaku semenjak tahun 2012 untuk tempoh tersebut (2010-2016), diburukkan lagi dengan kejatuhan nilai ringgit. Sama ada ini merupakan sesuatu perubahan struktur atau sementara memerlukan kajian yang lebih terperinci.